

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
KAWASAN : LIBARAN  
TARIKH : 14.10.2014 (SELASA)  
NO. SOALAN : 13

**SOALAN:**

minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan faktor Malaysia tersenarai dalam 20 negara paling berdaya saing dalam Laporan Daya Saing Global 2014-2015 yang dikeluarkan Forum Ekonomi Dunia pada 3 September 2014.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

1. Laporan Daya Saing Global (*Global Competitiveness Report - GCR*) 2014-2015, telah menempatkan Malaysia di kedudukan ke-20 di kalangan 144 negara berbanding di kedudukan ke-24 pada tahun sebelumnya. Di kedudukan ini, Malaysia mendahului negara-negara maju seperti Austria (ke-21), Australia (ke-22), Perancis (ke-23) dan Republik Korea (ke-26).

2. Di kalangan negara-negara ASEAN, Malaysia kekal di kedudukan ke-2 selepas Singapura, manakala di kalangan 28 negara Asia Pasifik, Malaysia meningkat di kedudukan ke-6 berbanding ke-7 pada tahun sebelumnya dengan mendahului Australia, Republik Korea, Republik Rakyat China dan India.

Tuan Yang Dipertua,

3. Di antara faktor-faktor yang telah menyumbang kepada pencapaian kedudukan Malaysia di tempat ke-20 adalah peningkatan ketara dalam tujuh teras daya saing iaitu:

- i. Teras Institusi meningkat sebanyak 9 kedudukan, ke tempat ke-20, berikutan peningkatan persepsi masyarakat terhadap usaha-usaha Kerajaan bagi mengukuh perlindungan ke atas pelaburan dan pematuhan peraturan Kerajaan.
- ii. Teras Kecekapan Pasaran Buruh melonjak sebanyak 6 kedudukan ke tempat ke-19, yang dicapai hasil daripada persepsi positif masyarakat terhadap kadar upah dan tahap produktiviti, kesan pencukaian ke atas insentif untuk bekerja dan keupayaan negara untuk mengekalkan bakat.
- iii. Teras Kecanggihan Perniagaan meningkat 5 anak tangga ke kedudukan ke-15. Semua kriteria dalam teras ini menunjukkan penambahbaikan yang telah menyumbang kepada prestasi Kecanggihan Perniagaan di Malaysia. Antara kriteria tersebut ialah penambahbaikan dalam jangkauan pemasaran (*extent of marketing*) dan kuantiti pembekal tempatan.

- iv. Teras Inovasi dan teras Infrastruktur masing-masing meningkat sebanyak 4 kedudukan di tempat ke-21 dan ke-25. Teras inovasi meningkat berikutan penambahbaikan perolehan Kerajaan dalam produk berteknologi tinggi, perbelanjaan syarikat dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan ketersediaan saintis dan jurutera. Teras infrastruktur pula menunjukkan peningkatan kualiti keseluruhan infrastruktur di Malaysia.
- v. Teras Kecekapan Pasaran Barang meningkat sebanyak 3 anak tangga, ke tempat ke-7. Pencapaian ini didorong oleh peningkatan persepsi terhadap pengurangan halangan perdagangan, jangkauan pasaran dominan (*extent of market dominance*) dan bilangan prosedur untuk memulakan perniagaan yang sedikit berbanding negara China, Jepun dan Republik Korea.
- vi. Teras Pembangunan Pasaran Kewangan, kekal di tempat ke-4. Kriteria yang telah menyumbang pada pencapaian ini adalah ketersedian modal teroka dan kemudahan akses kepada pinjaman. Disamping itu, pembiayaan menerusi pasaran ekuiti tempatan yang mudah juga menyumbang kepada pencapaian teras ini.

Tuan Yang Dipertua,

4. Selain dari faktor-faktor di atas, Malaysia juga telah dapat mempertingkatkan kedudukan dalam 20 negara paling berdaya saing melalui dengan izin, *Good Regulatory Practice* (GRP) yang telah dilaksanakan mulai 15 Julai 2013. Melalui GRP, peraturan baru dan yang perlu dikaji semula perlu melalui proses, dengan izin, *Regulatory*

*Impact Analysis* (RIA). Proses ini juga mewajibkan konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan. Ini akan memastikan peraturan-peraturan yang dihasilkan adalah telus, mencapai objektif yang telah ditetapkan dan *cost-effective* apabila pandangan semua pihak diambilkira. Secara langsung, GRP dapat memupuk produktiviti dan inovasi di kalangan pihak industri, dua faktor penting yang juga diambilkira di dalam penilaian kedudukan daya saing di dalam Laporan Daya Saing Global berkenaan.

5. Kejayaan Malaysia ditempatkan di tangga ke-20 daripada 144 negara paling berdaya saing adalah hasil daripada usaha berterusan Kerajaan untuk memudahcara perniagaan melalui langkah-langkah baharu di bawah, dengan izin, *Economic Transformation Programme*. Pada masa yang sama inisiatif-inisiatif yang telah diperkenalkan oleh PEMUDAH juga telah menyumbang kepada penamaikan persekitaran perniagaan di Malaysia. Kesemua usaha dilengkapkan dengan inisiatif-inisiatif Kerajaan di bawah, dengan izin, *Government Transformation Programme* yang menekankan aspek-aspek seperti keselamatan, pengangkutan awam dan pendidikan.